

Sri Lanka dan ancaman pelampau agama

PENANGKAPAN beberapa suspek lelaki yang dipercayai mempunyai hubungan dengan penganas Daesh berfahaman Salafi Jihadi baru-baru ini diharapkan membuka mata tentang bahaya ideologi Berteraskan Salafi.

Adalah menarik untuk kita menyelusuri perkembangan Islam di Sri Lanka, di mana 9-10 peratus penduduknya adalah Muslim. Negara ini menerima Islam pada abad ketujuh dan majoriti penduduk Islamnya berfahaman Ahli Sunah Wal Jamaah (ASWJ). Namun perkembangan Islam sejak pertengahan dekad 1990-an memperlihatkan konflik mazhab yang memudaratkan.

KONFLIK SALAFI WAHHABI - ASWJ

Pada 29 Mei 1996, Pusat Zikir di Kattankudy diserang Pengikut Salafi Wahhabi (PSW) melalui tembakan dan bom tangan. Pada 31 Oktober 2004, 500 PSW melancarkan 'jihad' ke atas Pusat Zikir ini, memusnahkan perpustakaan, kediaman dan perniagaan yang dimiliki ahli sufi dengan seorang sufi terkorban dan seorang tercedera.

Seterusnya, Oktober 2004 menyaksikan buku pemimpin Sufi, M.S.M Abdullah diisytiharkan 'tidak Islam' oleh PSW dan hasilnya 200 rumah pengikut sufi dibakar.

Apabila M.S.M Abdullah meninggal dunia pada Disember 2006 dan dikebumikan di lokasi yang diwasiatkannya, berdasarkan Doktrin Takfiri, PSW tidak bersetuju kerana menganggapnya murtad.

Mereka menggali kuburnya, mengambil mayatnya dan tidak diketahui di mana dikebumikan mayatnya itu. Pusat zikir dan menaranya dimusnahkan, 117 rumah pengikutnya dibakar, semua pengikutnya dihalau dan tidak dibenarkan kembali.

Bulan yang sama, M.S. Abdul Paylsan, seorang pemimpin sufi meninggal dunia dan dikebumikan di Kattankudy. PSW menyatakan beliau tidak boleh dikebumikan di situ, lalu kuburnya dikorek, mayat dicampakkan di atas jalan raya sebelum ditemui polis dan dikebumikan semula. Polis terpaksa mengawal kawasan ini selama beberapa hari.

Selepas kematian ulama sufi Abdur Rauf Moulavi (dituduh mengamalkan bidaah) dan kematian M.S.M Abdullah, keganasan berlaku di pekan tersebut. Kumpulan bersenjata PSW, Jihadi melakukan rusuhan yang menyebabkan sekolah,

ibrah

Oleh **PROF. MADYA DR. MOHD HIZAM HANAFIAH**
Pensyarah Kanan,
Universiti Kebangsaan
Malaysia Felo
Concave, Islamic
and Strategic
Studies Institute (ISSI)



pejabat kerajaan dan swasta, bank dan perniagaan ditutup, beberapa buah bank, kedai diceroboh serta dibakar.

Bermula 2006 menyaksikan pertempuran terbuka terjadi antara PSW dengan sufi di Kattankudy dan Oddamavadi. Pertembungan semakin meluas kemudiannya menyebabkan ramai tercedera, kerugian harta, rumah dan kenderaan, serta pengikut sufi dihalang memasuki rumah mereka (di Kattankudy).

Julai 2007 menyaksikan seorang Muslim, Siddique dibunuh kerana meninggalkan Salafi Wahhabi dan menyertai sufi. Bulan seterusnya menyaksikan Kolonel Lateef ditembak mati oleh militan PSW di Oddamavadi.

Tahun 2009 menyaksikan kemasukan ramai aktivis Salafi dari selatan India dan Arab Saudi. Hasilnya berlaku pertempuran antara sufi dengan PSW di pekan Beruwala, sebuah makam sufi berusia 150 tahun dimusnahkan oleh Jemaah Tauhid (JT) di Ukuwela (Februari 2009) dan konflik antara JT dengan Tariqat Qadiri di barat daya Beruwala, yang mengorbankan dua orang, mencederakan 40 orang dan 132 orang ditahan (Julai 2009).

Bulan seterusnya menyaksikan Muslim Home Guard yang direkrut oleh Kerajaan Sri Lanka untuk menentang militan Tamil Eelam meninggalkan tugas mereka dan menyertai JT untuk 'berjihad' menentang Muslim tradisional.

Tahun 2010, Barisan Solidariti Islam (ISF) memberi amaran pelampau PSW mencipta perbalahan, dibiayai negara luar, menyebabkan Muslim bermusuhan sesama sendiri dan keluarga dengan sebahagian makam telah diserang.

Tahun 2013, Makam Sufi, Pottuvil dimusnahkan dan sekitar 10-15 makam dan 25 masjid diserang oleh PSW di seluruh Sri Lanka.

Era 2013-2014 melaporkan PSW membakar rumah golongan sufi di Kattankudy dan Oddamavadi, sesiapa



TANGKAPAN beberapa individu dari dalam dan luar negara yang terbabit dengan Daesh. - GAMBAR HHSAN PDRM

pendakwah baharu dilahirkan melalui tajaan ke universiti di Asia Barat dan Pakistan. PSW menembusi dan menguasai seksyen penyiaran Islam di Sri Lanka Broadcasting Corporation, menggunakan programnya untuk mempromosi FSW selain mengoperasikan stesen radio tidak berlesen.

Di samping itu, pendakwah popular FSW dari luar negara dibawa masuk untuk menarik perhatian khalayak sebelum dibimbing ke arah ekstremis kemudiannya, selain mempopularkan pendakwah FSW tempatan. Agensi agama seperti Lembaga Waqaf ditembusi, lebih 3,000 Muslim kader bersenjata dilatih oleh PSW, dan kumpulan radikal dibentuk (Jihadi dan Al-Fatah).

Dalam tempoh lebih 20 tahun ini, banyak dana digunakan untuk 'menutup mulut' media, ahli politik, pegawai kerajaan, pegawai penguat kuasa, NGO, ulama dan Muslim daripada mendedahkan atau melarang penyebaran FSW. Hasil akhirnya adalah gerakan politik-agama yang didokong oleh lebih 50 kumpulan PSW yang mempengaruhi dan memaksa Muslim Sri Lanka mengikut FSW.

Daripada itu, dasar baharu kerajaan membenarkan Syiah, Salafi dan Liberal bertapak di Malaysia akan mencetuskan konflik mazhab serta ancaman keganasan lebih besar pada masa depan. Tanggungjawab penyelidik adalah berpesan-pesan dengan kebenaran dan kesabaran.

meninggalkan PSW akan dicari untuk dibunuh (di Oddamavadi) dan pertembungan PSW dengan Muslim majoriti di Alutgama dan Kattankudy. Kemuncaknya, Julai 2015 menyaksikan pembabitian 36 PSW dari Sri Lanka menyertai Daesh di Syria.

MODUS OPERANDI

Bagaimana Muslim Sri Lanka yang hidup aman sebelum pertengahan 1990-an kini bergolak? Ia berlaku apabila rumah keluarga Muslim yang miskin dibeli, dijadikan madrasah dan masjid.

menguasai lebih 200 masjid (sebahagian besar tidak didaftarkan) lalu pengajian agama didoktrinkan dengan Fahaman Salafi Wahhabi (FSW).

Pascatsunami menunjukkan keluarga Muslim susah diberi rumah dan bantuan kebajikan, dengan kanak-kanak, remaja mula diajar kebencian serta ketaksuban, bertentangan dengan ASWJ. Kurikulum sekolah antarabangsa disemak dan diasaskan mengikut FSW yang tegar, rujukan kepada empat mazhab telah diringkaskan dan diganti dengan FSW.

Selain kemasukan pendakwah dan dana dari selatan India serta Asia Barat,